

04/05/2000

Pusat maya alam sekitar beroperasi di USM Ogos

GEORGETOWN, Rabu - Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Yang Boleh Diperbaharui serta Kecekapan Tenaga (Cetree) akan mula beroperasi di Pusat Pengajian Sains Fizik, Universiti Sains Malaysia (USM), dekat sini, Ogos ini.

Timbalan Dekan Pusat Pengajian Sains Fizik USM, Prof Madya Dr Kamarulazizi Ibrahim, berkata penubuhan pusat maya itu dicadangkan dalam Persidangan Solar Dunia yang diadakan di USM, pada 1997.

Menurutnya, Cetree bertujuan mendidik pelajar mengenai isu alam sekitar, terutama dalam penipisan lapisan ozon, kejadian rumah hijau serta pelbagai pencemaran yang berlaku.

Beliau berkata, pusat itu akan menganjurkan bengkel, seminar dan pameran mengenai penggunaan tenaga boleh diperbaharui (RE) serta kecekapan tenaga (EE) untuk orang ramai, selain menjalankan pelbagai penyelidikan dalam bidang berkaitan.

"Ketika ini ahli Cetree terdiri daripada wakil universiti tempatan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia serta Pusat Perkembangan Kurikulum (PKK).

"Pusat seumpama itu juga dijangka diwujudkan di beberapa negara lain di rantau Asia Tenggara, Asia Timur, Utara dan Selatan Amerika Syarikat dalam beberapa tahun akan datang," katanya sambil menambah Cetree di USM dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, September depan.

Kamarulazizi menyatakan demikian selepas perasmian 'Bengkel Pembangunan Kurikulum Tenaga Boleh Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga Bagi Sekolah Menengah' di Hotel Berjaya Georgetown, di sini, hari ini.

Majlis dirasmikan Naib Canselor USM, Datuk Prof Ishak Tambi Kechik. Kamarulazizi adalah Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Bengkel selama tiga hari itu.

Sementara itu, Ishak dalam ucapannya, berkata sumber tenaga alternatif yang bersih dan berkesan dari segi kos, khususnya sumber suria, biojisim, dan angin boleh digunakan bagi menghasilkan tenaga haba, biodiesel dan elektrik.

Katanya, program pendidikan, latihan dan pendedahan maklumat secara sistematik dan berterusan perlu diadakan bagi memastikan masyarakat sentiasa peka serta yakin terhadap penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

"Generasi muda terutama pelajar sekolah perlu diberi pendedahan dari awal mengenai kesan alam sekitar untuk menyemai perasaan cintakan kebersihan alam sekitar, sekali gus memeliharanya dengan baik," katanya.

Bengkel itu dihadiri kira-kira 200 guru dari sekolah menengah di seluruh negara, termasuk 50 pegawai dari bahagian lain yang berkaitan dengan tenaga.

Ia anjuran bersama USM dan Kementerian Pendidikan serta dibiayai oleh Geran Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE), Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

(END)